

**TPM sertai 3.6 juta pelajar dan guru senamrobik**  
**Utusan Online**  
**10 Julai, 2012**

SUBANG 10 Julai - Tan Sri Muhyiddin Yassin pagi ini menyertai 3,660,580 pelajar serta guru dari 10,000 sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melakukan senamrobik dalam program Senamrobik Serentak 1Murid 1Sukan 1Malaysia.

Bertempat di Sekolah Wawasan USJ 15 bersama kira-kira 3,000 peserta di sini, Timbalan Perdana Menteri meluangkan kira-kira 45 minit melakukan senaman tersebut yang turut disiarkan secara langsung oleh stesen televisyen tempatan.

Program itu merupakan senamrobik terbesar yang dianjurkan di negara ini dan mendapat pengiktirafan Malaysia Book Of Records (MBOR). - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0710&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_18.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0710&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm)